**Kertas Bil. 14/2021**

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 30 OKTOBER 2020, 02 – 06 NOVEMBER 2020 DAN 09 – 11 NOVEMBER 2020**

---

# PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR (JPK-SAS) BERHUBUNG PENGGANTIAN PAIP DAN "*NON-REVENUE WATER*

**KERTAS BILANGAN 37/2020**

---

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR BERHUBUNG PENGGANTIAN PAIP DAN "NON-REVENUE WATER" BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS TAHUN 2020 YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA YANG KEEMPAT BELAS PADA 30 OKTOBER 2020, 02 HINGGA 06 NOVEMBER 2020 DAN 09 HINGGA 12 NOVEMBER 2020**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Mesyuarat Bil 37 / 2020 | **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR BERHUBUNG PENGGANTIAN PAIP DAN "*NON-REVENUE WATER*" BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS TAHUN 2020** | 6.1 Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri memastikan supaya Air Selangor menyelaraskan program penggantian paip dengan projek penurapan jalan setiap tahun yang menggunakan peruntukkan MARRIS yang mempunyai nilai sebanyak RM500 juta lebih setiap tahun untuk Selangor. Ini adalah untuk menjimatkan kos bagi pihak Air Selangor, di samping mengelakkan pembaziran dalam keadaan di mana jalan yang sudah diturap perlu dikorek semula untuk penggantian paip. | | | 1. Saranan ini akan diteliti dan perbincangan lanjut akan diadakan dengan Perbendaharaan Negeri Selangor kerana penggunaan peruntukkan MARRIS adalah terrakluk kepada tatacara yang telah ditetapkan di dalam garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan.<br>2. Air Selangor telah melantik perunding bagi kerja-kerja penggantian paip bagi tahun 2022. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 6.2 Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri memastikan supaya Air Selangor menyelaraskan program penggantian paip dengan projek penurapan jalan setiap tahun yang menggunakan peruntukkan MARRIS yang mempunyai nilai sebanyak RM500 juta lebih setiap tahun untuk Selangor. Ini adalah untuk menjimatkan kos bagi pihak Air Selangor, di samping mengelakkan pembaziran dalam keadaan di mana jalan yang sudah diturap perlu dikorek semula untuk penggantian paip. | | | 3. Berdasarkan kepada rekabentuk yang telah disediakan perunding, Air Selangor melalui UPEN akan memohon jumlah yang diperlukan untuk menggunakan peruntukan MARRIS bagi penurapan jalan.<br>Sekiranya diluluskan, Air Selangor berupaya untuk meningkatkan projek penggantian paip dengan lebih banyak. |
| | | 6.3 Untuk mempercepatkan proses penggantian paip, Jawatankuasa menyarankan supaya Air Selangor mempertimbangan penerbitan jumlah sukuk yang munasabah di bawah Sukuk Kelestarian Air Selangor. | | | 1. Saranan ini akan diteliti bersama Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) kerana penerbitan sukuk dibuat oleh Air Selangor berdasarkan kepada kemampuan kewangan dan selaras dengan *Business Model* yang diluluskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | (SPAN).<br><br>2. Program Sukuk telah diperuntukkan untuk membiayai keperluan perbelanjaan modal Air Selangor berdasarkan rancangan perniagaannya selama 30 tahun, yang turut merangkumi program penggantian paip serta pelbagai program pengurangan Air Tidak Terhasil (NRW). Di dalam menentukan jumlah penerbitan Sukuk, Air Selangor juga perlu menimbangkan kedudukan dan kemapanan kewangan syarikat, dengan mengambil kira pendapatan semasa (dengan kenaikan tarif air terakhir pada tahun 2006), kos operasi, dan obligasi pinjaman. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 6.4 Jawatankuasa menyarankan juga supaya Kerajaan Negeri mempertimbangkan penambahan jumlah pinjaman kewangan kepada Air Selangor untuk mempercepatkan proses penggantian paip. | | | 1. Saranan ini akan diteliti bersama Perbendaharaan Negeri Selangor dan bergantung kepada kedudukan kewangan sedia ada.<br><br>2. Air Selangor mengalu-alukan sebarang bentuk bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri samada dalam bentuk geran ataupun pinjaman mudah atau tanpa faedah dengan tempoh pembiayaan yang lebih panjang dan fleksibel bagi tujuan mempercepatkan projek penggantian paip. |
| | | 6.5 Jawatankuasa mencadangkan supaya kadar tarif disemak semula. Walau bagaimanapun, sebarang kenaikan (jika perlu) wajar hanya dilaksanakan dalam keadaan ekonomi yang sesuai. | | | 1. Kerajaan Negeri Selangor telahpun meluluskan supaya tarif air disemak semula kerana tarif semasa adalah |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR BERHUBUNG PENGGANTIAN PAIP DAN "NON-REVENUE WATER" BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS TAHUN 2020 YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA YANG KEEMPAT BELAS PADA 30 OKTOBER 2020, 02 HINGGA 06 NOVEMBER 2020 DAN 09 HINGGA 12 NOVEMBER 2020**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | menggunakan tarif yang diluluskan pada tahun 2006. Namun demikian, kelulusan ke atas pelaksanaan pelarasan tarif adalah terletak di bawah bidang kuasa YB Menteri di Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara (Akta 655).<br><br>2. Pihak syarikat bersetuju bahawa semakan tarif sangat diperlukan terutama apabila keadaan sosial dan ekonomi mengizinkan. Kenaikan tarif diperlukan untuk memastikan Air Selangor dapat melaksanakan kerja-kerja yang melibatkan perbelanjaan modal dan juga perkhidmatan secara efektif dan efisien untuk |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | memenuhi keperluan pengguna. Ia juga diperlukan untuk mengukuhkan kedudukan dan kemapanan kewangan Air Selangor memandangkan kenaikan tarif terakhir adalah 15 tahun yang lalu pada tahun 2006. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN